

KAJI KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA BASMI JENAYAH ROGOL

Mutakhir ini jenayah rogol semakin hari semakin menjadi-jadi berlaku di tanahair kita ini. Terbaru ialah kes rogol dan bunuh seorang bekas pelajar Universiti Malaya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Berita utama Utusan Malaysia hari ini juga melaporkan bagaimana seorang ayah yang ingin menyaman Ketua Polis Negara dan mendapat perintah kertas siasatan kes dikaji semula berhubung kes rogol anaknya oleh seorang lelaki berusia 18 tahun. Masyarakat tentu masih ingat kes Canny Ong yang dirogol dan dibunuh secara kejam yang mendapat liputan meluas oleh pihak media di negara ini. Purata jenayah rogol di Malaysia telah meningkat dengan mendadak setiap hari dan fenomena ini telah menyebabkan masyarakat sudah lali dan menganggap yang ianya suatu jenayah biasa yang berlaku.

Seksyen 376 Kanun Kesekeaan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan rogol iaitu minimum lima tahun dan maksimum 20 tahun penjara dan mesti diberi hukuman sebat kecuali bagi lelaki yang berumur lebih 50 tahun. Hukuman yang tertera ini merupakan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah sahaja. Isunya di sini ialah bagaimana dengan nasib mangsa rogol dan juga keadaan keluarganya yang menangung malu dan trauma yang dialami. Dari aspek psikologi sudah terbukti yang mangsa rogol mengalami trauma yang amat teruk sehingga mengganggu gugat kesihatan mental dan fizikalnya. Berdasarkan faktor ini penulis ingin mencadangkan satu kajian undang-undang perlu dibuat bagi langkah pembelaan kepada nasib mangsa rogol.

Di antara mekanisma undang-undang yang boleh diaplikasikan ialah mengenakan bayaran pampasan (compensation) terhadap pesalah kepada mangsa. Pampasan ini bertujuan bagi menampung pembiayaan perubatan mangsa dan juga boleh dianggap sebagai pampasan kerana menceroboh hak mangsa. Sekiranya dirujuk kepada kitab Al Tafrigh karangan Imam Al-Basri menyatakan bahawa hukuman jenayah rogol ialah hudud dan ada juga fuqaha' berpendapat ianya kesalahan takzir dan yang paling menariknya ialah pesalah atau keluarganya dikehendaki membayar *mahr misl* kepada mangsa. Ini membuktikan bahawa Islam mengiktiraf hukuman yang berbentuk pampasan walaupun ianya melibatkan kes jenayah. Namun begitu isu yang timbul di sini ialah kadar *mahr misl* yang pelbagai mengikut negeri di Malaysia dan ianya juga dianggap rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan jenayah rogol yang dilakukan terhadap mangsa. Penggubal undang-undang mungkin boleh menetapkan kadar bayaran pampasan yang boleh dikenakan kepada pesalah dan sekiranya pesalah tidak mampu keluarganya mungkin boleh membantu dan sekiranya keluarga juga tidak mampu bayaran pampasan juga boleh dibuat oleh baitul mal atau institusi-institusi tertentu.

Cadangan yang tersebut di atas memerlukan satu kajian teliti yang perlu dijalankan memandangkan amalan undang-undang di Malaysia merujuk kepada undang-undang sivil. Hukuman tambahan iaitu bayaran pampasan merupakan perkara baru di dalam kes jenayah kerana pengenaan pampasan biasanya diaplikasikan di dalam kes-kes sivil sahaja.

Penulis amat yakin sekiranya Malaysia memperkenalkan undang-undang yang mengenakan pampasan terhadap pesalah jenayah rogol kepada mangsa disamping peruntukan Kanun Keseksaan sedia ada akan dapat membantu keadaan mangsa dan keluarganya dan dapat mengurangkan kadar jenayah rogol di negara ini. Walaupun begitu tidak dinafikan bahawa undang-undang merupakan hanya salah satu mekanisma membasi dan mengurangkan jenayah, mekanisma –mekanisma lain seperti pendidikan, kesedaran dan pencegahan juga perlu diberi perhatian seiring. Sesungguhnya langkah pencegahan dan perlaksanaan hukuman yang setimpal dan efektif perlu dilaksanakan seiring dan bersama bagi tujuan murni membasi aktiviti tidak bermoral khususnya jenayah rogol.-**ZULKIFLI HASAN.**